


# PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK



**PPA 06**  
PANDUAN PELAKSANAAN AKTA 172  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
SEmenanjung MALAYSIA



ISBN 978-983-2839-21-7



9 789832 839217



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
SEmenanjung MALAYSIA

Diterbitkan di Malaysia Oleh:

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia  
(Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

ISBN 978-983-2839-21-7

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada terbitan ini boleh diterbit semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiar dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

Walaupun setiap usaha telah dibuat untuk menyemak ketepatan penerbitan ini, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan jika ada. Sebarang teguran untuk memperbaiki penerbitan ini adalah dialu-alukan oleh pihak kami.



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

# Prakata

Perintah pemeliharaan pokok merupakan suatu perintah mengenai pemeliharaan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang boleh dikeluarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan bagi melarang penebangan pokok tanpa kebenaran bertulis dan bagi memastikan penggantian pokok melalui penanaman semula.

Pelaksanaan perintah ini dengan berkesan adalah bergantung kepada tahap kerjasama dan komitmen pihak bertanggungjawab. Di samping itu, pemahaman yang jelas di kalangan pihak berkuasa perancang tempatan terhadap prosedur, keperluan dan bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Bahagian VA, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) adalah amat penting.

Justeru, pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menyediakan Panduan Pelaksanaan Akta 172: Perintah Pemeliharaan Pokok sebagai panduan asas dalam melaksanakan perintah ini dengan teratur. Diharapkan panduan ini dapat memelihara sistem ekologi tempatan dan menjaga keselesaan kehidupan penduduk tempatan di samping menyumbang ke arah mengurangkan pemanasan global.

## Kandungan

Prakata	i
1.0 PENGENALAN	1
2.0 TAFSIRAN	2
3.0 PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK	2
4.0 PROSEDUR MENGELOUARKAN PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK	3
5.0 PENGUATKUASAAN PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK	5
6.0 PENANAMAN SEMULA	7
7.0 LARANGAN AM UNTUK PENEBANGAN POKOK	9
8.0 PENUTUP	10

## Senarai Jadual

Jadual 1	: KATEGORI POKOK DI BAWAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK	11
----------	--	----

## Senarai Lampiran

Lampiran 1	: AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) BAHAGIAN VA PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK	13
------------	--	----

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Panduan Pelaksanaan Akta 172: Perintah Pemeliharaan Pokok ini bertujuan untuk menerangkan asas-asas bagi melaksanakan bahagian VA Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang dipinda di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 (Akta A933) berkenaan aktiviti memelihara pokok dalam kawasan pihak berkuasa perancang tempatan.
- 1.2 Bahagian VA Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) meletakkan tanggungjawab kepada pihak berkuasa perancang tempatan untuk merancang bagi pemeliharaan dan perlindungan pokok pokok dan tumbuh-tumbuhan dalam kawasannya. Untuk tujuan ini seksyen 35A memberi kuasa budibicara kepada pihak berkuasa itu mengeluarkan suatu perintah pemeliharaan pokok bagi mengawal penebangan pokok yang diancam kepupusan, atau yang mempunyai nilai istimewa. Dengan perintah ini gejala penebangan pokok secara berleluasa dan tanpa perancangan untuk sesuatu pembangunan dapat dibendung.
- 1.3 Bahagian VA Akta 172 juga mengadakan peruntukan yang memberi perlindungan khas kepada pokok-pokok yang matang untuk memastikan pokok matang itu tidak ditebang dan sistem ekologi semasa sesuatu kawasan dikekalkan apabila pembangunan dijalankan. Untuk tujuan ini seksyen 35H semua pokok yang mempunyai lilitan lebih dari 0.8 meter tidak boleh ditebang kecuali dalam keadaan tertentu dengan izin pihak berkuasa perancang tempatan. Penebangan yang dibenarkan hendaklah diberi secara bertulis dan pihak berkuasa tempatan bolehlah mensyaratkan mana-mana pokok yang ditebang perlu digantikan dengan penanaman semula sebagai alternatif supaya larangan ini tidak dilihat sebagai menyekat aktiviti pembangunan.

## 2.0 TAFSIRAN

2.1 Dalam Panduan Pelaksanaan Akta 172: Perintah Pemeliharaan Pokok ini perkataan - perkataan di bawah ini membawa maksud berikut:

- (i) **“pokok”** adalah tumbuhan individu dan tanaman kekal yang dalam keadaan biasa tahan hidup bertahun-tahun di atas muka bumi tanah dan tumbuh secara individu di mana-mana lokasi serta mudah dikenal pasti mengikut saiz, umur dan spesis masing-masing. Jenis-jenis pokok adalah pokok utama, pokok palma (secara batang tunggal atau berumpun), pokok renik, pokok menjalar, pokok pemanjat dan pokok pepagar.
- (ii) **“pokok-pokok”** adalah satu kumpulan dua atau lebih pokok dari spesis yang sama yang tumbuh berdekatan antara satu sama lain atau di dalam bentuk berbaris dan teratur.
- (iii) **“kelompok pokok”** adalah satu kumpulan pokok dari berbagai spesis yang sama yang tumbuh di satu lingkungan kawasan yang sama secara berdekatan.

**“merosakkan pokok dan memusnahkan pokok”** termasuklah aktiviti menguris, mengopek, memaku, mengecat,! meracun, membakar, menebuk menampal, menakik, menakuk, mengikat dengan dawai dan menoreh sepanjang lilitan pokok serta lain-lain aktiviti yang boleh mencedera dan mencacatkan pokok berkenaan secara fizikal.

## 3.0 PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

3.1 **Bagi maksud melaksanakan subseksyen 35A(1) Akta 172** pihak berkuasa perancang tempatan boleh membuat satu perintah pemeliharaan mengenai pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok bertujuan untuk melindung atau memelihara mana-mana pokok yang terlibat dengan sesuatu projek

pembangunan dengan menetapkan bahawa perintah itu adalah suai manfaat bagi kepentingan alam sekitar dan keselesaan kehidupan orang awam.

- 3.2 Sebagai panduan pokok-pokok yang perlu dipelihara dan dilindungi adalah seperti yang dikategorikan di **Jadual 1**.
- 3.3 Atas dasar keseragaman, senarai spesis pokok yang perlu dipelihara dan dilindungi ini hendaklah berdasarkan kepada senarai yang disedia, diperaku dan dikeluarkan oleh suatu jawatankuasa teknikal di peringkat Kerajaan Persekutuan yang dianggotai oleh agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Landskap Negara, Institut Perhutanan Malaysia, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Seterusnya senarai ini akan dibawa di peringkat Jawatankuasa Perancangan Negeri untuk pembentangan dan kelulusan supaya diterima pakai di dalam Negeri berkenaan. Pihak berkuasa perancang tempatan bolehlah dari semasa ke semasa mencadangkan tambahan kepada spesis pokok yang telah disenaraikan itu.

#### **4.0 PROSEDUR MENGELOUARKAN PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK**

- 4.1 Sebagai langkah permulaan semua pihak berkuasa perancang tempatan dinasihatkan membuat pemeriksaan berkala mengenai pokok-pokok yang terdapat didalam kawasannya. Hasil pemeriksaan ini, pihak berkuasa akan dapat mengenal pasti pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang perlu dipelihara. Jika pihak berkuasa perancang tempatan berpuas hati ada di antara pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang disenarai sebagai terpelihara itu memerlukan perlindungan khas, maka perintah pemeliharaan pokok bolehlah dikeluarkan oleh pihak berkuasa itu.
- 4.2 Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada pemilik tanah di mana di atasnya pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang terlibat

dengan perintah pemeliharaan pokok itu tumbuh. Pada masa yang sama pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mempamerkan di pejabat masing-masing kedudukan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang terlibat.

- 4.3 Jika pemilik tanah itu telah menyewakan tanahnya kepada pihak lain, adalah menjadi tanggungjawab pemilik tanah itu untuk memaklumkan kepada penyewa tanahnya tentang perintah tersebut.
- 4.4 Bagi maksud penyampaian apa-apa notis termasuklah perintah ini, subperenggan 46(1)(c)(iii) Akta 172 memperuntukkan notis boleh dilekatkan pada bahagian mudah lihat di tempat kediaman atau di tanah atau bangunan jika notis tersebut tidak dapat disampaikan kepada pemilik atau penyewa berkenaan dengan tangan atau pos berdaftar.
- 4.5 Sepertimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 35A(2) Akta sesuatu perintah pemeliharaan pokok boleh membuat peruntukan seperti berikut:
- (i) melarang mana-mana pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok dari ditebang kecuali dengan kebenaran bertulis pihak berkuasa perancang tempatan dan tertakluk kepada syarat-syarat; dan
  - (ii) menghendaki mana-mana pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok ditanam atau diganti melalui penanaman semula mengikut cara yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu.
- 4.6 Sebagai panduan pihak berkuasa perancang tempatan tidak digalakkan membuat perintah pemeliharaan pokok dalam keadaan berikut:

**(i) Pokok tanaman komersial**

Tanaman komersial melibatkan pokok-pokok yang khususnya ditanam untuk mendapatkan hasil sama ada untuk kegunaan sendiri atau kegunaan industri pengeluaran barang seperti pokok kelapa sawit, getah dan kelapa. Pokok jenis ini tidak mempunyai apa-apa keistimewaan dan tidak dianggap diancam kepupusan. Walau bagaimanapun pokok-pokok komersial di ladang yang telah mendapat kebenaran merancang bagi menjalankan aktiviti pembangunan yang lain perlu mendapatkan kebenaran bertulis sebelum usaha penebangan pokok-pokok kawasan tersebut dilakukan.

**(ii) Pokok buah-buahan**

Pokok buah-buahan yang separuh kekal jangka hayat hidup atau jenis semusim yang ditanam khusus untuk kegunaan sendiri atau untuk tanaman komersial.

**(iii) Utiliti**

Mana-mana pokok yang tumbuh pada atau berdekatan dengan utiliti sedia ada seperti talian elektrik atau bekalan air yang –

- a. boleh menghalang atau mengganggu pemasangan, penyelenggaraan atau kerja-kerja lain yang berkaitan dengan utiliti itu, atau
- b. menjadi punca yang boleh mengancam nyawa dan harta benda.

**5.0 PENGUATKUASAAN PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK**

5.1 Suatu perintah pemeliharaan pokok yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan ke atas mana-mana

pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok hendaklah berkuat kuasa sehingga perintah itu dipinda atau dibatalkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan di bawah seksyen 35G Akta 172. Di bawah subseksyen 35A(4) seseorang yang melanggar peruntukan perintah itu, adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu) atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

5.2 Seseorang yang hendak melakukan penebangan pokok yang tertakluk kepada perintah pemeliharaan pokok hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa perancang tempatan. Walau bagaimanapun kebenaran ini tidak diperlukan bagi penebangan yang terpaksa dilakukan dalam keadaan yang berikut:

- (i) **Pokok yang hampir mati atau telah mati.** Apabila pemilik atau penghuni tanah yang di atasnya pokok itu tumbuh mendapati dan boleh membuktikan pokok yang ditebang itu hampir mati atau telah mati (contoh melalui gambar foto diambil dari arah dan kedudukan) dan jika tidak ditebang akan mendatangkan bahaya kepada pemilik, orang ramai dan harta benda akibat daripada penyakit, kerosakan atau kematian pokok tersebut. Walau bagaimanapun pemilik bertanggungjawab memastikan pokok lain ditanam atau diganti melalui penanaman semula mengikut saiz dan spesis di lokasi yang sama atau yang berdekatan dengan secepat mungkin dan berpandukan kepada cara yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.
- (ii) **Bagi mencegah bahaya yang hampir benar berlaku.** Sesuatu pokok boleh mendatangkan bahaya yang hampir benar berlaku apabila keadaan fizikalnya sudah pasti mengancam nyawa dan harta benda dalam jangka masa yang pendek. Keadaan yang dimaksudkan adalah

sesuatu pokok yang sudah pasti akan tumbang atau sebelum akarnya mencecah lantai rumah, tembok parit dan permukaan siar kaki berhampiran atau berpenyakit atau rosak keadaan fizikalnya. Keadaan lain adalah di mana saiz pokok yang terlalu besar dan lokasinya boleh mendatangkan bahaya seperti di pinggir jalan atau tempat letak kereta. Apabila pokok telah mencapai kematangan dalam keadaan hujan ribut atau angin kencang boleh mengakibatkan keseluruhan atau sebahagian pokok atau dahannya tumbang dan merosakkan kenderaan serta mengganggu lalu lintas.

- (iii)!! **Sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis lain.** Mana-mana pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang tertakluk kepada sesuatu perintah pemeliharaan pokok bolehlah ditebang sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Undang-undang seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171); Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133); Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) adalah berkaitan.

## **6.0 PENANAMAN SEMULA**

- 6.1 Seperti mana yang diperuntukkan di bawah perenggan 35A(2)(b) Akta 172 suatu perintah pemeliharaan pokok boleh, secara khusus mengadakan peruntukan bagi memastikan pokok-pokok ditanam atau diganti melalui penanaman semula mengikut cara yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan. Ini bermakna seseorang yang melakukan penebangan pokok yang tertakluk di bawah perintah ini dan kemudiannya gagal menggantikannya adalah melakukan kesalahan seperti di subseksyen 35E(5) yang boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu) atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

- 6.2 Mengikut subseksyen 35E(1) Akta 172 seseorang yang didapat bersalah kerana menebang mana-mana pokok yang tertakluk di bawah perintah pemeliharaan pokok adalah berkewajipan menggantikan pokok itu dengan menanam sesuatu pokok yang lain-
- (i) daripada saiz dan spesis yang sesuai;
  - (ii) di tempat yang sama atau berdekatan dengan tempat yang sama atau tempat lain;
  - (iii) dalam masa; dan
  - (iv) tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat, yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan melainkan jika atas permohonan orang itu atau atas permohonan mana-mana orang lain atau mengikut budi bicara pihak berkuasa perancang tempatan itu sendiri pihak berkuasa perancang tempatan mengetepikan kehendak ini.
- 6.3 Dalam masa yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan pada perkara 6.2(iii) di atas bagi menggantikan pokok boleh dilanjutkan sekali atas permohonan orang yang berkewajipan menggantikan pokok itu manakala syarat bagi sesuatu tempoh penyenggaraan pula boleh ditetapkan tidak lebih dari 12 bulan daripada tarikh selesainya kerja penggantian pokok tersebut.
- 6.4 Jika orang yang berkewajipan untuk menggantikan pokok tidak berbuat demikian, dia adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu) atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Ini diperuntukkan di bawah subseksyen 35E(5) Akta 172.

6.5 Seterusnya pihak berkuasa perancang tempatan boleh mengambil tindakan menggantikan pokok jika orang yang berkewajipan untuk menggantikannya gagal untuk berbuat demikian, walaupun denda itu dijelaskan. Kesemua kos dan perbelanjaan yang semunasabahnya ditanggung oleh pihak berkuasa perancang tempatan itu untuk menggantikan pokok itu hendaklah dibayar ganti oleh orang yang ingkar untuk menggantikannya. Ini diperuntukkan di bawah seksyen 35F Akta 172.

## **LARANGAN AM UNTUK PENEBANGAN POKOK**

- 7.1 Bahagian VA Akta 172 terdapat suatu peruntukan khas bertujuan untuk memberi perlindungan khas kepada pokok-pokok matang untuk memastikan pokok-pokok ini tidak ditebang. Ini adalah ke arah membantu mewujudkan suatu ekologi tumbuhan yang seimbang bagi sesuatu kawasan walaupun ianya mengalami proses pembangunan.
- 7.2 Bagi maksud ini subseksyen 35H(1) Akta 172 melarang penebangan mana-mana pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter yang tumbuh di dalam kawasan pihak berkuasa perancang tempatan. Lilitan ini diukur pada paras 0.5 meter dari bumi manakala bagi pokok yang berbanir ianya diukur dari paras banir itu.
- 7.3 Seseorang yang bercadang untuk menebang mana-mana pokok yang memiliki ukur lilitan 0.8 meter hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa perancang tempatan. Aktiviti penebangan pokok termasuklah aktiviti memotong, memangkas, mencantas, mencabut, merosakkan atau memusnahkan pokok. Walau bagaimanapun penebangan boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa perancang tempatan dalam keadaan berikut:
- (i) jika pokok yang terlibat berada dalam keadaan hampir mati atau telah mati;

- (ii) bagi mengelakkan sesuatu bahaya yang mengancam nyawa atau harta benda yang pasti berlaku jika pokok yang berkenaan tidak ditebang;
  - (iii) bagi mematuhi sesuatu kehendak undang-undang bertulis yang lain.
- 7.4 Subseksyen 35H(3) seterusnya menetapkan bahawa mana-mana orang yang melanggar subseksyen 35H(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu) atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

## **8.0 PENUTUP**

- 8.1 Panduan Pelaksanaan Akta 172: Perintah Pemeliharaan Pokok ini terpakai dalam sesuatu Negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Jadual 1**  
**KATEGORI POKOK DI BAWAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK**

<b>ANCAMAN KEPUPUSAN</b>		
<b>NILAI ISTIMEWA</b>	<b>NILAI SEJARAH</b>	<b>TANAMAN KENAMAAN</b>
Spesis yang mempunyai nilai istimewa merujuk kepada pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang mempunyai nilai tersendiri yang mempunyai keindahan semula jadinya atau mempunyai nilai tempatan atau sumbangsan estetika terhadap landskap; atau sebagai penghadang fizikal semula jadi terhadap pandangan buruk atau kawasan pembangunan akan datang.	Spesis yang mempunyai nilai sejarah merujuk kepada pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang ditanam oleh pemimpin negara atau orang-orang kenamaan melebihi 30 tahun lalu dan mempunyai kaitan dengan nilai sejarah terhadap kawasan setempat.	Tanaman kenamaan merujuk kepada pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang ditanam oleh pemimpin negara atau orang-orang kenamaan sempena suatu upacara yang mempunyai kepentingan Negara.

**POKOK-POKOK DALAM KAWASAN PERLINDUNGAN**

Termasuk semua pokok yang telah ditakrifkan di dalam undang-undang bertulis lain dan pokok-pokok yang terletak di dalam kawasan yang diisytiharkan kawasan hutan simpan, kawasan pemeliharaan bukit dan lain-lain kawasan yang seumpamanya.

**Jadual 1  
(sambungan)**

**KATEGORI POKOK DI BAWAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK**

ANCAMAN KEPUPUSAN		
“RARE”	“ENDEMIC”	“ENDANGERED”
Merujuk kepada pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang terdiri daripada spesis pokok yang hanya didapati tumbuh di tempat-tempat tertentu sahaja yang mempunyai kesesuaian iklim, ekologi setempat, keadaan muka bumi serta komposisi tanah yang sesuai dengan pokok-pokok berkenaan.	Merujuk kepada pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang sukar ditemui serta bilangannya sedikit dan sekiranya tidak dilindungi, besar kemungkinan pokok-pokok daripada spesis ini akan pupus.	

**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
(AKTA 172)**

**BAHAGIAN VA**

**PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK**

**Perintah pemeliharaan pokok**

- 35A.** (1) Jika didapati oleh pihak berkuasa perancangan tempatan bahawa adalah suai manfaat bagi kepentingan keselesaan untuk memelihara mana-mana pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok dalam kawasannya, ia boleh membuat suatu perintah pemeliharaan pokok mengenai pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok itu.
- (2) Suatu perintah pemeliharaan pokok boleh secara khusus, mengadakan peruntukan-
- (a) bagi melarang penebangan pokok kecuali dengan kebenaran bertulis dan tertakluk kepada syarat-syarat, jika ada, yang dikenakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan; dan
  - (b) bagi memastikan penanaman atau pengantian pokok melalui penanaman semula mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.
- (3) Perenggan (2)(a) tidaklah terpakai bagi penebangan suatu pokok-
- (a) yang hampir mati atau telah mati;
  - (b) bagi pencegahan bahaya yang hampir benar berlaku; atau

- (c) jika ia dilakukan sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis.
- (4) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan dalam perintah pemeliharaan pokok melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
- (5) Jika dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini telah dibuktikan bahawa suatu pokok telah ditebang hendaklah dianggapkan, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa pokok itu telah ditebang oleh penduduk tanah yang di atasnya pokok itu tumbuh.

**Perintah pemeliharaan pokok tidak boleh dibuat jika pokok tertakluk kepada syarat-syaratnya**

**35B.** Walau apa pun seksyen 35A, suatu perintah pemeliharaan pokok tidak boleh dibuat berkenaan dengan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan di bawah perenggan 22(5)(f) dan (g).

**Rayuan terhadap perintah pemeliharaan pokok, dsb.**

**35C.** Mana-mana orang yang terkilan dengan-

- (a) suatu perintah pemeliharaan pokok;
- (b) mana-mana peruntukan dalam suatu perintah pemeliharaan pokok;
- (c) (i) penolakan suatu kebenaran bertulis; atau  
(ii) mana-mana syarat yang dikenakan ke atas pemberian suatu kebenaran bertulis,

di bawah perenggan 35A(2)(a),

- (d) suatu perintah untuk menanam atau menggantikan pokok di bawah perenggan 35A(2)(b),

boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh dia diberitahu mengenai perintah, penolakan atau pengenaan syarat-syarat itu merayu kepada Lembaga Rayuan.

### **Pampasan di bawah perintah pemeliharaan pokok**

- 35D.** (1) Jika pemunya tanah yang tanahnya berhubungan dengan suatu perintah pemeliharaan pokok membuktikan bahawa dia, kerana mematuhi perenggan 35C(1)(a) hingga (d), mengalami kerugian berupa kesusutan dalam nilai tanahnya, dia boleh menuntut pampasan daripada pihak berkuasa perancang tempatan.
- (2) Suatu tuntutan pampasan di bawah subseksyen (1) hendaklah disampaikan kepada pihak berkuasa perancang tempatan-
- (a) dalam masa enam bulan dari tarikh-
- (i) perintah pemeliharaan pokok;
  - (ii) penolakan suatu kebenaran bertulis atau pengenaan syarat-syarat di bawah perenggan 35A(2)(a); atau
  - (iii) perintah untuk menggantikan pokok di bawah perenggan 35A(2)(b),
- diberitahu kepada pemunya tanah itu; atau
- (b) jika rayuan dibuat di bawah subseksyen 35C(1), dalam masa enam bulan dari tarikh keputusan Lembaga Rayuan mengesahkan perintah, penolakan atau pengenaan syarat-syarat yang dirayu itu.

- (3) Jika pemunya tanah itu tidak berpuas hati dengan amaun pampasan yang diawardkan, dia boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh award itu, merayu kepada Lembaga Rayuan yang mempunyai kuasa untuk mengesahkan atau mengubah amaun pampasan yang diawardkan itu.

### **Penggantian pokok**

**35E.** (1) Maka menjadi suatu kewajipan kepada orang yang didapati bersalah di bawah subseksyen 35A(4) kerana menebang mana-mana pokok yang berkenaan dengannya suatu perintah pemeliharaan pokok berkuat kuasa pada masa ini, yang berlanggaran dengan perintah pemeliharaan pokok itu, menggantikan pokok itu dengan menanam suatu pokok yang lain-

- (a) daripada saiz dan spesis yang sesuai;
- (b) di tempat yang sama atau berdekatan dengan tempat yang sama atau tempat lain;
- (c) dalam masa; dan
- (d) tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat,

yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan melainkan jika atas permohonan orang itu atau atas permohonan mana-mana orang lain atau mengikut budi bicara pihak berkuasa perancang tempatan itu sendiri pihak berkuasa perancang tempatan mengetepikan kehendak ini.

- (2) Masa yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan di bawah perenggan 1(c) bagi penggantian pokok boleh dilanjutkan sekali atas permohonan orang yang berkewajipan menggantikan pokok itu.
- (3) Mana-mana orang yang terkilan dengan-

- (a) penolakan untuk mengetepikan kehendak menggantikan pokok di bawah perenggan (1);
- (b) mana-mana perintah yang diberikan di bawah perenggan (1)(a) atau (b);
- (c) mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah perenggan (1)(d); atau
- (d) penolakan untuk melanjutkan masa di bawah subseksyen (2),

boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh orang itu diberitahu mengenai perintah, penolakan atau pengenaan terma dan syarat itu merayu kepada Lembaga Rayuan.

- (4) Berhubung dengan mana-mana pokok yang ditanam semula di bawah subseksyen (1), perintah pemeliharaan pokok yang berkaitan hendaklah terpakai baginya sebagaimana ia terpakai bagi pokok asal.
- (5) Jika orang yang berkewajipan untuk menggantikan pokok di bawah subseksyen (1) gagal berbuat sedemikian, dia melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Pihak berkuasa perancang tempatan boleh menggantikan pokok jika orang yang berkewajipan untuk menggantikannya gagal berbuat sedemikian**

**35F.** Dalam hal suatu kegagalan untuk menggantikan pokok di bawah subseksyen 35E(1), pihak berkuasa perancang tempatan boleh meneruskan untuk menggantikan pokok itu dan, walaupun bayar denda di bawah subseksyen 35E(5), kesemua kos dan perbelanjaan yang semunasabahnya dilakukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan untuk menggantikan pokok itu hendaklah dibayar ganti oleh orang yang ingkar untuk menggantikannya.

### **Pembatalan perintah pemeliharaan pokok**

**35G.** Pihak berkuasa perancang tempatan boleh meminda atau membatalkan suatu perintah pemeliharaan pokok termasuk bagi maksud memberikan kebenaran merancang di bawah subseksyen 22(3) berkenaan dengan sesuatu kawasan yang mengenainya suatu perintah pemeliharaan pokok berkuat kuasa pada masa ini.

### **Larangan untuk memotong, dsb., pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter**

**35H.** (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis pihak berkuasa perancang tempatan menebang suatu pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter yang tidak tertakluk kepada suatu perintah pemeliharaan pokok, melainkan jika penebangan itu-

- (a) adalah berkenaan dengan pokok sedemikian yang hampir mati atau telah mati;
- (b) adalah bagi pencegahan bahaya yang hampir benar berlaku; atau

- (c) adalah sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis.
- (2) Bagi maksud subseksyen (1), lilitan suatu pokok hendaklah diukur setengah meter dari bumi dengan syarat bahawa lilitan pokok yang berbanir hendaklah diukur ke atas dari banir itu.
- (3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.



**Sebarang pertanyaan sila hubungi:**

**Pengarah  
Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia**

**Tel: 03 - 2273 3326  
Faks: 03 - 2273 3325  
Email: [bpksp@townplan.gov.my](mailto:bpksp@townplan.gov.my)  
Laman web: <http://www.townplan.gov.my>**